



e-BULETIN

Edisi Februari 2022

@ kpfrasmi | arrahnkpf

www.kpf.my

KPF DIUMUMKAN PADA KEDUDUKAN PERTAMA DALAM PROFIL 100 KOPERASI TERBAIK NEGARA 2021



Pengerusi Kumpulan KPF semasa menerima Anugerah Koperasi Terbaik 2021.

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah dinobatkan sebagai koperasi terbaik di Malaysia tahun 2021.

Pengiktirafan itu diumumkan semasa Majlis Pelancaran Sambutan 100 Tahun Koperasi anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 12 Februari 2022 bertempat di Hotel Aloft Kuala Lumpur yang disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac), YB. Tan Sri Noh Omar.



Pengerusi Kumpulan KPF, YH. Dato' Amir Hamdan bin Yusof berkata pengiktirafan ini diberi berdasarkan kepada kejayaan serta sumbangan koperasi dalam aktiviti yang berdaya saing dan cemerlang terhadap gerakan koperasi di Malaysia.

"Sebagai koperasi patuh syariah terunggul di Malaysia, KPF komited dalam merealisasikan visinya untuk menjadi koperasi yang mampan dan dinamik."

"Kejayaan ini membuktikan KPF berada di landasan yang tepat dengan tadbir urus yang efisien dan telus."

"Terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, anggota Lembaga, anggota dan warga kerja KPF atas kepercayaan dan usaha yang dicurahkan selama ini," katanya.

Kejayaan menempatkan semula KPF dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Negara adalah menepati misi YH. Dato' Amir Hamdan Yusof semasa beliau mula memegang jawatan Pengerusi Kumpulan KPF mulai bulan Ogos 2020.



KPF DUKUNG ASPIRASI NEGARA - PENGERUSI KUMPULAN



Pengerusi Kumpulan KPF bersama panel jemputan yang lain semasa siaran langsung Wacana Sinar di Auditorium Kumpulan Media Karangkraf, Shah Alam.

Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF) mendukung aspirasi negara untuk memberi perkhidmatan dan manfaat kepada rakyat melalui aktiviti pemborongan dan peruncitan yang dijalankan oleh syarikat Kumpulan KPF, kata Pengerusi Kumpulan YH. Dato' Amir Hamdan Yusof.

Beliau menegaskan agar koperasi beralih daripada menjadi sebuah entiti perniagaan semata-mata kepada instrument kerajaan dalam membantu meringankan beban rakyat.





Pengerusi Kumpulan KPF, YH. Dato Amir Hamdan Yusof semasa memberi penerangan.

“KPF prihatin dengan isu kenaikan harga barang dengan menerjui peranan Federasi Koperasi anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan juga memperkasa peranan rangkaian kedai D’Mart (milik KPF sepenuhnya) dalam membekalkan barang keperluan harian ke seluruh negara,” ujarnya semasa siaran langsung Wacana Sinar Koperasi anjuran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada 10 Februari 2022 di Auditorium Kumpulan Media Karangkraf, Shah Alam..

Timbalan Pengerusi Eksekutif SKM, Encik Rusli Jaafar dan Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization, YBhg. Dato' Dr. Abdul Fattah Abdullah turut bersama sebagai panel dalam diskusi bertajuk “Koperasi solusi ekonomi masyarakat”.

